

23 JAN 1999

BSKL-MINGGUAN

BELIAN SUSULAN DI BSKL DIJANGKA BERTERUSAN

KUALA LUMPUR, 23 Jan (Bernama) -- Spekulasi yang mengatakan kawalan modal akan dilonggarkan dan ramalan peningkatan harga yang berterusan menjelang Tahun Baru China dijangka akan merangsang Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) minggu depan.

Penganalisis berkata spekulasi itu menjadi hangat berikutan laporan yang mengatakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menemui pelabur berpendapatan tetap dan pengurus dana minggu depan.

Perubahan yang hangat dibualkan di pasaran adalah pengenaan cukai keluar terhadap pelaburan ekuiti asing jangka pendek.

Apabila kawalan modal diperkenalkan pada September tahun lepas, ia termasuk menetapkan kadar tukaran ringgit bagi satu dolar Amerika pada 3.80 dan menghalang pengeluaran dana dari pasaran saham selama setahun dari tarikh pembelian.

Penganalisis itu menambah bahawa kerajaan harus melonggarkan kawalan modal itu jika ia berhasrat untuk menarik penyertaan asing yang agresif di bursa tempatan.

Mengenai tinjauan prospek Indeks Komposit, beliau berkata indeks itu akan menuji paras 625 mata dan mungkin melepasi paras 650 mata.

Keuntungan, bagaimanapun, akan dihadkan oleh kegiatan pengambilan untung di sana sini, tambahnya.

Penganalisis lain berkata saham kewangan dan pertaruhan akan terus mendapat tumpuan terutamanya di kalangan pelabur runcit selepas ia menyaksikan kecenderungan yang teguh apabila pasaran dibuka semula pada Khamis.

Pasaran ditutup dari Isnin hingga Rabu kerana cuti Hari Raya Aidil Fitri.

Khamis dan Jumaat menyaksikan pelabur institusi tempatan dan dana asing membanjiri pasaran dengan minat belian baru.

Sementara itu, penanda aras Indeks Komposit bagi 100 komponen utama melonjak 19.57 mata untuk ditutup pada 618.54 minggu ini berbanding 598.97 sebelumnya.

Indeks Emas bagi kesemua saham Papan Utama meningkat 5.90 mata kepada 157.82, Indeks Papan Kedua menokok 2.38 mata kepada 167.93 dan Indeks Perusahaan naik 32.78 mata kepada 1,124.21.

Indeks Kewangan meningkat 342.78 kepada 4,123.29.

Jumlah dagangan di pasaran biasa dan urusaniaga langsung adalah 601.272 juta saham bernilai RM1,294.426 juta.

Di Papan Utama, jumlah dagangan pasaran biasa bagi dagangan dua hari adalah 531.951 juta saham bernilai RM1,093.674 juta sementara di Papan Kedua, jumlah dagangannya adalah 51.434 juta saham bernilai RM148.557 juta.

Urusniaga di luar pasaran berjumlah 17.887 juta saham bernilai RM52.195 juta.

Saham paling cergas minggu ini adalah Magnum dengan 38.432 juta saham diniagakan. Ia meningkat 33 sen kepada RM2.34.

Saham cergas lain adalah MBf Holdings dengan 19.959 juta saham (naik lima sen kepada 34 sen), Multi Purpose 18.74 juta (naik 32 sen kepada RM1.75), MBf Capital 17.131 juta (jatuh sesen kepada 78 sen), RHB Capital 12.764 juta (naik 42 sen kepada RM2.78), United Engineers 11.945 juta (naik 15 sen kepada RM3.12), Malayan United Industries 11.728 juta (jatuh sesen kepada 81 sen), Pan Malaysian Industries 11.139 juta (naik sesen kepada 59 sen), Technology Resources Industries 10.603 juta (naik 12 sen kepada

RM2.15) and Suria Capital 10.413 juta (naik 12 sen kepada RM1.57).

Mengikut sektor, barangan pengguna menyumbang 19.700 juta saham diniagakan di Papan Utama, barangan industri 61.267 juta, pembinaan 35.991 juta, perdagangan/perkhidmatan 145.785 juta, prasarana IPC 3.327 juta, kewangan 149.352 juta, hotel 1.782 juta, hartanah 53.179 juta, perladangan 11.515 juta, perlombongan 596,400, amanah 207,000, dana tertutup 475,000, pinjaman 12.606 juta, TSR/waran 35.266 juta dan dagangan hak 902,500.

Dalam dagangan biasa Papan Kedua, barangan pengguna menyaksikan 5.847 juta saham diniagakan, barangan industri 22.4 juta, pembinaan 14.910 juta, perdagangan/perkhidmatan 6.895 juta, kewangan 686,000, pinjaman 5,000 dan TSR/waran 691,000. -- BERNAMA

MSL JR